



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu

**MODUL
PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN
SPM 2024**

**MPP 3
PENDIDIKAN ISLAM**

Nama :

Kelas :

DISEDIAKAN OLEH PANEL AKRAM NEGERI TERENGGANU



Tidak dibenarkan menyunting atau mencetak mana-mana bahagian dalam modul ini
tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu





KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU

MODUL PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN 3 (MPP3) 2024 TINGKATAN 5

PENDIDIKAN ISLAM

1223/1

Kertas 1

Oktober

2 $\frac{1}{2}$ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi lima soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang di dalam kertas jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian jawapan hendaklah diikat dan dihantar kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 6 halaman bercetak.

Jawab semua soalan.

- 1 (a) Firman Allah SWT :

﴿قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِكُمْ سُنَنٌ فَاسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكْذِبِينَ ﴿١٣٧﴾ هَذَا بَيَانٌ لِلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٨﴾ وَلَا تَهِنُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَنْتُمْ الْأَعْلَوْنَ إِن كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾﴾

(Surah al-Imran : ayat 137-139)

Intisari ayat di atas menerangkan *Sunnatullah* bersifat tetap dan kekal dengan izin Allah SWT.

Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Nyatakan pengertian *Sunnatullah*. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** kepentingan mengkaji sejarah umat terdahulu. [2 markah]
 - (iii) Terangkan **dua** pengajaran ayat di atas. [4 markah]
- (b) *Ibtida'* ialah memulakan bacaan al-Quran selepas *wakaf*.
Nyatakan **dua** jenis pembahagian *Ibtida'*. [2 markah]
- (c) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ : سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمُ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ ، يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ : الإمام العادل ، وشاب نشأ في عبادة ربه ، ورجل قلبه معلق في المساجد ، ورجلان تحابا في الله اجتمعا عليه وتفرقا عليه ، ورجل طلبته امرأة ذات منصب وجمال ، فقال : إني أخاف الله ، ورجل تصدق أخفى حتى لا تعلم شماله ما تنفق يمينه ، ورجل ذكر الله خاليا ففاضت عيناه . (متفق عليه)

Hadis di atas menjelaskan tentang tujuh golongan manusia yang akan mendapat naungan Allah SWT.

Berdasarkan hadis di atas,

- (i) Nyatakan maksud seseorang yang hatinya sentiasa mencintai masjid. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** golongan yang mendapat naungan Allah SWT selain seseorang yang hatinya sentiasa mencintai masjid. [4 markah]

“Saidina Umar bin al-Khattab sanggup menyamar menjadi rakyat biasa untuk meninjau sendiri kebajikan rakyatnya terpelihara”

- (iii) Sejauhmanakah anda mempraktikkan sifat Saidina Umar dalam pentadbiran sekiranya anda dilantik menjadi pemimpin dalam masyarakat. [4 markah]

- 2 (a) Al-Jabbar dan al-Muntaqim merupakan nama Allah SWT yang terdapat dalam Asmaul Husna.

(i) Nyatakan maksud al-Jabbar. [2 markah]

(ii) Jelaskan kefahaman mengenai nama Allah SWT al-Jabbar. [2 markah]

Malik bin Anas R.A meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda: Telah aku tinggalkan kepada kamu dua perkara yang kamu tidak akan sesat sekira berpegang dengannya.....

(Riwayat Malik)

(b) (i) Berdasarkan mafhum hadis di atas, nyatakan **dua** perkara tersebut. [2 markah]

(ii) Terangkan **dua** cara menjauhi ajaran sesat untuk menjadi muslim sejati. [4 markah]

- (c) Muktaizilah dan Khawarij merupakan aliran fahaman yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunah Wal Jamaah.

(i) Nyatakan sejarah Khawarij. [2 markah]

(ii) Jelaskan perbezaan pandangan akidah Ahli Sunah Wal Jamaah dan Muktaizilah berkaitan isu berikut:

- Melihat Allah SWT
- Pelaku dosa besar

[4 markah]



Sumber : dipetik daripada Sinar Harian, 12 Oktober 2023

(iii) Berdasarkan keratan akhbar di atas mengapakah hal ini berlaku. [4 markah]



- 3 (a) Muamalat Islam adalah hukum syarak yang berkaitan dengan urusan kewangan seperti jual beli, sewaan, simpanan dan sebagainya.
- (i) Nyatakan **dua** jenis akad jaminan dalam muamalat Islam. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan contoh *hibah*. [2 markah]
 - (iii) Encik Saiful merupakan seorang peniaga yang berjaya dan ingin membeli kereta untuk kegunaan peribadinya. Cadangkan bagaimana beliau dapat membeli kereta mengikut panduan syarak. [4 markah]
- (b) Islam mengharuskan pengambilan anak angkat.
- (i) Apakah maksud anak angkat? [2 markah]
 - (ii) Jelaskan perbezaan hak antara anak angkat dengan anak kandung dalam Islam. [2 markah]
- (c) Antara bentuk hukuman jenayah Islam ialah qisas.
- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan diat dalam hukuman qisas. [2 markah]
 - (ii) Senaraikan **dua** jenis pembunuhan dalam Islam. [2 markah]



- (iii) Kemukakan analisis dan pandangan anda berkaitan infografik di atas. [4 markah]

4 (a) Kerajaan Umaiyyah merupakan kerajaan Islam yang memerintah wilayah-wilayah Islam dalam sejarah dunia.

(i) Nyatakan sejarah ringkas kerajaan Umaiyyah. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** faktor kemerosotan kerajaan Umaiyyah dari aspek politik. [4 markah]

(iii) Terangkan **dua** ibrah yang dapat diambil daripada pemerintahan kerajaan Umaiyyah. [4 markah]

(b) Profesor Dr. Ahmad Ibrahim merupakan tokoh ilmuan Islam yang terkemuka di Malaysia.

(i) Nyatakan secara ringkas riwayat hidup Profesor Dr. Ahmad Ibrahim. [2 markah]

(ii) Jelaskan sumbangan beliau dalam bidang perundangan. [2 markah]

(c) Imam Syafie merupakan salah seorang tokoh empat mazhab yang terkenal.

(i) Jelaskan **dua** sifat keperibadian beliau. [2 markah]

(ii) Imam Syafie merupakan tokoh ilmuan yang mempunyai kesungguhan yang amat tinggi dalam menuntut ilmu sehingga beliau berjaya menjadi ahli fiqah yang disegani.

Sebagai seorang pelajar, bagaimanakah anda dapat mencontohi keunggulan tokoh ini.

[4 markah]

5 (a) Menjaga orang sakit adalah tanggungjawab orang Islam.

(i) Nyatakan **dua** adab terhadap orang sakit dari segi fizikal. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** perkara yang perlu anda lakukan untuk menguatkan emosi pesakit. [2 markah]

(iii) Terangkan hikmah beradab kepada orang sakit. [2 markah]

Sakit merupakan ujian daripada Allah SWT agar kita mengakui Allah SWT sebagai tempat bergantung.

(iv) Huraikan hujah anda bagi menyokong pernyataan di atas. [4 markah]

(b) Islam menuntut umatnya agar istiqamah melakukan kebaikan.

(i) Apakah maksud istiqamah? [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** contoh istiqamah Rasulullah SAW dalam berdakwah. [4 markah]

(iii) Terangkan **dua** hikmah mengamalkan sifat istiqamah dalam kehidupan. [4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT